

# UPM perkenal program usahawan muda tani

**K**UALA LUMPUR: Universiti Putra Malaysia (UPM) memperkenalkan Program Inkubasi Usahawantani bagi melahirkan usahawan muda di kalangan graduan khususnya dalam bidang pertanian selaras dengan hasrat kerajaan menambah bilangan usahawan tani muda.

Program itu adalah kursus khas keusahawanan kepada bakal usahawan pertanian dan ditawarkan kepada graduan UPM atau luar yang berwibawa bagi melaksanakan projek pertanian.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd Hashim Abdullah, berkata tiga modul utama diterapkan dalam kursus berkenaan iaitu

tanaman, akuakultur dan bioteknologi dengan peruntukkan daripada Kementerian Pengajian Tinggi sebanyak RM2.813 juta.

“Kita galakkan generasi muda menggunakan teknologi moden untuk terbabit dalam pertanian dan sasaran kita lepasan universiti.

“Program ini amat baik kerana menggunakan kepakaran universiti selain teknologi yang mereka cipta,” katanya selepas menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara UPM dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) di Taman Pertanian Universiti, UPM Puchong, dekat sini, semalam.

Melalui MoU yang ditan-



**SERAH...Mohd Hashim menyerahkan kad keahlian MyAgroSis kepada pelajar.**

datangani Naib Canselor UPM, Datuk Dr Radin Umar Radin Sohadi dan Ketua Pengarah Fama, Ahmad Ishak, UPM dan Fama akan membangunkan program keusahawanan pertanian secara bersepadu.

Turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Ab Rahim Md Noor; Pengerusi Fama, Tan Sri Badruddin Amirudin dan Dekan Fakulti Pertanian Profesor Dr Mad Nasir Shamsudin.

Pada majlis itu, 38 peserta program pertama diberi kad keahlian MyAgroSis. Sempena majlis itu, turut diadakan majlis perasmian penuaian ikan talapia merah hasil projek ternakan ikan.

Sementara itu, Dr Radin berkata, kursus itu adalah percuma dan setiap peserta diberi elaun RM1,000 sebulan, bagaimanapun kursus itu diberi kepada mereka yang betul-betul menunjukkan minat tanpa mengira bidang pengajian untuk menjadi usahawan tani.

“Semua peserta akan diberi peluang menguruskan projek secara komersial mengikut bidang masing-masing, bermula daripada penyediaan kertas projek, pelaksanaan hinggalah pemantauan dan pemasaran.

“Sambutan juga amat baik, malah daripada 38 peserta, enam daripadanya sudah menubuhkan syarikat,” katanya.